

Mahathir bersyukur semua rakyat Malaysia selamat pulang

Oleh
Hassan Mohd. Noor

KUALA LUMPUR 31 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad bersyukur atas kepulangan kesemua rakyat Malaysia dengan selamat dari kawasan Teluk yang dilanda krisis selepas penaklukan Iraq ke atas Kuwait 2 Ogos lalu.

"Kerajaan pada mulanya khuatir sama ada rakyat Malaysia dapat balik atau tidak," katanya.

Bagaimanapun, katanya, dengan usaha Wisma Putra dan beberapa pihak lain, kerajaan dapat mengeluarkan mereka yang terkandas dari Kuwait ke Baghdad kemudian ke Amman dan seterusnya membawa mereka pulang.

"Ini sesuatu yang harus kita

bersyukur kerana tidak ada sesiapa yang mengalami apa-apa kemalangan," katanya mengulas kepulangan kumpulan terakhir rakyat Malaysia seramai 90 orang dan 43 rakyat asing malam tadi.

Perdana Menteri memberitahu pemberita demikian selepas menyaksikan secara langsung kepulangan 133 rakyat tempatan dan asing itu di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang melalui TV1 di Dataran Merdeka.

Siaran langsung upacara sambutan Hari Kebangsaan dari Dataran Merdeka dihentikan seketika apabila TV1 membawa siaran langsung kepulangan rakyat

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

MAHATHIR BERSYUKUR RAKYAT SELAMAT

Malaysia itu dan sejeurus kemudiannya Perdana Menteri mengulas kepulangan tersebut.

Kumpulan terakhir rakyat Malaysia itu tiba dengan pesawat khas Royal Jordanian Airline 12.45 tengah malam tadi.

Perdana Menteri berkata, selepas kejayaan itu, Malaysia juga mengambil berat tentang nasib rakyat asing terutamanya dari negara - negara sahabat yang masih berada di kawasan Teluk.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata kerajaan Bangladesh telah meminta pertolongan Malaysia mengeluarkan kira-kira 100,000 rakyatnya yang berada di Jordan dan Turki.

Katanya, kerajaan sedang berusaha mendapatkan kapal terbang bagi membawa keluar rakyat negara berkenaan.

"Apa yang penting sekarang ialah membawa keluar mereka yang tidak terlibat dalam peperangan itu," katanya.

Perdana Menteri juga berharap usaha Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB), Encik Javier Perez De Cuellar untuk mencari penyelesaian krisis Teluk akan berjaya dan ketegangan di Timur Tengah dapat dikurangkan.

"Kita berharap pertikaian ini dapat diselesaikan melalui rundingan tanpa melibatkan kemalangan atau peperangan antara kedua-dua negara yang juga merupakan negara sahabat," katanya.

Mengenai peranan Malaysia dalam krisis itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia telah memainkan peranan melalui Majlis Keselamatan Bangsa - Bangsa Bersatu dengan menentukan tindakan yang diambil tidak gopoh - gapah tetapi berpandukan kepada Piagam PBB.

Katanya, Malaysia akan terus memainkan peranannya bagi menyelesaikan krisis Teluk.